

Pengaruh Prinsip Akauntabiliti Dalam Pengurusan Governans Alam Sekitar Di Malaysia

Siti Hajar Binti Mokhter,¹ Azahan Awang,² Muhammad Asyraf Bin Mohd Azmi³
Universiti Kebangsaan Malaysia^{1,2,3}

sitihajar8727@gmail.com¹ (Corresponding Author)

azahan@ukm.edu.my²

mhdasyraf.14@gmail.com³

ABSTRAK

Kealpaan dalam mengejar pembangunan yang pesat seringkali mengabaikan aspek alam sekitar berpunca daripada pengurusan dan tadbir urus alam sekitar yang lemah seterusnya mengakibatkan kerosakan alam sekitar. Menyedari akan pentingnya pengurusan alam sekitar yang baik maka konsep pembangunan lestari telah diperkenalkan. Dalam usaha mencapai pembangunan lestari, governans alam sekitar yang menyokong konsep governans kelestarian telah dijalankan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut perundangan dan akta yang telah ditetapkan. Salah satu prinsip governans alam sekitar yang baik adalah pengaruh akauntabiliti. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh akauntabiliti dalam mempengaruhi governans alam sekitar di Malaysia. Kajian kualitatif menggunakan kaedah persampelan bertujuan dimana temubual mendalam seorang responden yang terlibat secara langsung dalam governans alam sekitar telah dipilih, serta kajian dokumen-dokumen perundangan yang melibatkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dibuat. Analisis menunjukkan akauntabiliti memberi tumpuan kepada tanggungjawab kerajaan, sektor swasta dan masyarakat dalam governan alam sekitar di Malaysia. Jabatan Alam Sekitar (JAS) memainkan peranan penting dalam menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dalam menangani pencemaran industri. Kerjasama dan tanggungjawab bersama antara pelbagai kementerian, agensi kerajaan, pihak industri dan masyarakat diiktiraf sebagai penting untuk governan alam sekitar yang berkesan.

Key words : *pembangunan lestari, governan alam sekitar, prinsip akauntabiliti*

1.0 Pengenalan

Pengurusan alam sekitar di setiap peringkat adalah penting dalam memelihara serta melindungi alam sekitar bagi memastikan persekitaran yang bersih, selamat dan produktif untuk masa kini dan masa hadapan (Mohd Anuar 2014; Ahmad & Musa 2016). Pada masa kini, Malaysia telah memberikan komitmen yang tinggi dalam melindungi dan memulihara alam sekitar dengan merangka Dasar Alam Sekitar Nasional (Ahmad & Musa 2016) dan usaha Malaysia ini telah mendapat pengiktirafan daripada Ketua-ketua Komanwel pada tahun 1989 di dalam pengistiharan Langkawi (Sani 2000).

Selain daripada usaha itu, Malaysia juga telah menggunakan konsep pembangunan lestari dan diterapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan-Rancangan Malaysia

seterusnya. Dalam usaha mencapai pembangunan lestari, governans alam sekitar yang menyokong konsep governans kelestarian ini dijalankan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut akta dan undang-undang yang ditetapkan (Rahman 2016), dan pada masa yang sama mereka turut menjalankan governans alam sekitar sendiri secara kolaboratif dan perkongsian bersama pihak-pihak berkepentingan yang lain melalui kerjasama, mekanisme perundangan atau bukan perundangan dengan mengambil kira prinsip-prinsip governans yang baik dan berkesan.

Hal ini kerana governans merupakan aspek penting dalam mencapai pembangunan lestari kerana proses ini akan memimpin masyarakat oleh pihak-pihak berkepentingan negara dan bukan negara (Tengku Hamzah 2011). Governans Kelestarian merupakan interaksi yang penting secara rasmi atau tidak, dalam menggubal dan melaksanakan dasar-dasar dan input daripada setiap lapisan masyarakat dan antarabangsa dalam mencapai pembangunan lestari (Sytyy Mazian 2018; Kooiman 2003). Konsep yang menyokong kelestarian sebagai pertimbangan tertinggi untuk menguruskan aktiviti manusia termasuklah politik, sosial dan ekonomi adalah governans alam sekitar (Mohd Anuar 2014; Haque 2017). Governans alam sekitar merujuk kepada proses membuat keputusan yang berkaitan dengan pengendalian dan pengurusan sumber (Haque 2017). Dalam usaha untuk melaksanakan governans alam sekitar dengan berkesan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkaitan alam sekitar (UN Environment) telah menggariskan lapan prinsip governans alam sekitar yang baik termasuklah prinsip Akauntabiliti (UNITAR & UN Environment 2017). Prinsip akauntabiliti bertujuan untuk memastikan institusi bertanggungjawab kepada pihak berkepentingan yang terjejas pada setiap peringkat yang terlibat (Badenoch 2002).

2.0 Kajian Kepustakaan

Konsep keselamatan alam sekitar telah ditafsirkan dalam pelbagai cara, sebagai paradigma alternatif untuk menangani ancaman yang semakin saling bergantung kepada kemerosotan kualiti alam sekitar selepas Perang Dingin (Dabelko & Dabelko 1995). Dengan kemunculan konsep ini, perdebatan tentang sifat ancaman, rujukan yang sesuai kepada konsep keselamatan, dan maksud keselamatan yang baru itu sendiri telah muncul. Dalam era baru ini, keselamatan alam sekitar telah menjadi salah satu topik hangat dalam bidang kajian keselamatan (Flyod R. 2008).

Konsep asas keselamatan alam sekitar, menurut Broda-Bahm (1999), adalah usaha untuk menarik perhatian kepada isu kemerosotan alam sekitar dengan secara eksplisit mengaitkannya dengan konsep keselamatan negara. Lester Brown mengenal pasti ancaman baharu sebagai kepupusan sumber, hakisan tanah, kemerosotan tanah, penebangan hutan, dan perubahan iklim pada tahun 1986. Ancaman ini bukan sahaja menjejaskan keselamatan ekonomi dan politik negara, tetapi juga kestabilan ekonomi global.

Malaysia, sebagai sebuah negara membangun dan kaya dengan sumber alam sekitar, menghadapi pelbagai cabaran akibat perubahan zaman dan tuntutan sosioekonomi, seperti pambandan, eksploitasi sumber asli dan peningkatan kenderaan bermotor. Isu-isu ini amat membimbangkan melihat kepada kemerosotan alam sekitar yang berlaku di sekeliling. Tambahan lagi, masalah alam sekitar memberi kesan yang besar kepada kesihatan manusia (Mohammad 2011; Afrizal & Embong 2013).

Pencemaran udara berlaku akibat daripada pelepasan kenderaan dan kilang, pembakaran terbuka dan jerebu, menjadi satu ancaman alam sekitar di Malaysia. Pencemaran udara mengandungi bahan pencemar memberi kesan negatif kepada kesihatan. Pencemaran air juga disebabkan oleh pembuangan sisa toksik dari kilang dan pembuangan sisa dengan cara yang tidak betul (Mohammad 2011).

Kepentingan menangani isu alam sekitar telah pertama kali dibincangkan di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1972, mengenai Alam Sekitar Manusia di Stockholm. Berikutan itu, pada tahun 1992, Persidangan Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menekankan kepentingan perlindungan alam sekitar yang berkesan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan untuk menangani isu alam sekitar ini. Bagi mencapai keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar, konsep pembangunan lestari telah diperkenalkan (Mohd Anuar 2014).

2.1 *Pembangunan Lestari*

Menurut Ahmad AR & Musa K (2016), istilah "lestari" dikaitkan dengan peralihan kepada kehijauan atau pembangunan hijau. Kelestarian memastikan bahawa tindakan semasa tidak menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka (Razman, M.R., dan Mokhtar M. 2016; Ahmad AR & Musa K 2016; McDonough et al 2002; Starke 1990; Harmelen et al 2005). Pembangunan lestari ditakrifkan sebagai pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri (Jamaludin Md Jahi 2001). Menurut Razman, M.R., dan Mokhtar (2016), pembangunan lestari ialah strategi moden untuk menangani isu alam sekitar untuk kesejahteraan masyarakat dari segi ekologi, habitat manusia dan persekitaran yang dinikmati (Sands 2003). Shriberg (2002) menawarkan definisi kelestarian yang lebih luas yang merangkumi kelestarian ekonomi, ekologi dan sosial.

Tindakan pembangunan lestari berdasarkan prinsip Agenda 21 dengan jelas menyatakan bahawa "Manusia adalah pusat yang perlu diberi tumpuan untuk pembangunan lestari." Oleh itu, adalah penting untuk memahami bagaimana manusia sebagai subjek boleh menjadi agen perubahan dalam mengubah persekitaran fizikal. Secara keseluruhannya, kelestarian alam sekitar tidak mungkin dicapai tanpa sokongan masyarakat (Rahman H.A. 2016). Pembangunan lestari boleh mengimbangi pembangunan dengan memberi tumpuan kepada pembangunan alam sekitar (Abdul Samad 2005), iaitu masyarakat berpuas hati pada peringkat alam sekitar sambil menerima konsep pembangunan dari sudut ekonomi dan sosial (Baker 1997).

Prinsip pembangunan lestari adalah bahagian penting dalam proses pembangunan dan tidak boleh diabaikan. Pembangunan lestari juga memerlukan pelbagai sektor dan pihak berkepentingan berkongsi tanggungjawab supaya hasil keputusan dapat memberi kesan kepada alam sekitar dan sumber asli (Sani S. 2000). Menurut Harmelen et al. (2005), empat prinsip asas yang berkaitan dengan pembangunan mampan diuraikan secara khusus iaitu:

1. Keperluan untuk memelihara sumber asli untuk generasi akan datang dirujuk sebagai prinsip ekuiti antara generasi.
2. Prinsip Penggunaan lestari: Menggunakan sumber semula jadi dengan cara yang 'lestari,' 'lembut,' 'rasional,' 'bijak' atau 'sesuai'.
3. Prinsip ekuiti intra-generasi menyatakan bahawa penggunaan sumber asli oleh sesebuah negara tidak boleh menjejaskan keperluan negara lain.
4. Pertimbangan alam sekitar mesti dimasukkan ke dalam rancangan pembangunan ekonomi, program dan projek, dan keperluan pembangunan mesti dipertimbangkan semasa melaksanakan objektif alam sekitar.

Prinsip teras ini mencadangkan bahawa ianya boleh digunakan untuk melaksanakan dasar yang lestari, dan seterusnya meningkatkan pengaruh sains dan mengurangkan pengaruh sistem perundangan dalam dasar alam sekitar (Ali M. 2013).

2.2 Pihak Berkepentingan Di Dalam Governan Alam Sekitar

Terdapat tiga pihak berkepentingan utama di dalam governan alam sekitar iaitu kerajaan, pihak industri dan orang awam.

- i. Kerajaan: Melalui perundangan, peraturan dan penguatkuasaan, kerajaan Malaysia memainkan peranan penting dalam membentuk dasar alam sekitar di negara ini. Komitmen negara terhadap kelestarian terlihat dengan pelbagai kementerian dan agensi kerjaan bertanggungjawab dalam pelbagai aspek pengurusan alam sekitar.
- ii. Industri: Walaupun industri penyumbang utama kepada kemerosotan alam sekitar, mereka juga memainkan peranan penting dalam usaha mitigasi dan baik pulih pencemaran yang dikeluarkan. Inisiatif CSR, inovasi teknologi dan pematuhan kepada piawaian alam sekitar menunjukkan peranan industri yang semakin berkembang.
- iii. Awam: Kesedaran dan advokasi yang semakin meningkat telah mendorong penglibatan masyarakat sivil dalam tadbir urus alam sekitar. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan inisiatif yang diterajui oleh komuniti mempunyai kesan ke atas dasar, meningkatkan kesedaran dan mempertanggungjawabkan pihak berkepentingan.

Interaksi kompleks antara pihak-pihak berkepentingan ini selalunya akan melibatkan konflik. Industri mencari keuntungan sambil meminimumkan kos alam sekitar, kerajaan mencapai keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan perlindungan alam sekitar, dan orang ramai mengharapkan amalan yang penjagaan dan pencegahan alam sekitar lestari. Kepentingan yang berbeza ini akan mengakibatkan isu seperti jurang peraturan, penguatkuasaan yang tidak mencukupi dan penglibatan awam yang tidak mencukupi.

2.3 Governan Alam Sekitar di Malaysia

Governans alam sekitar di Malaysia adalah berpandukan Dasar Alam Sekitar Negara yang berdasarkan tiga teras utama iaitu pembangunan mampan, kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta meningkatkan kualiti hidup dan alam sekitar. Secara umumnya, dasar ini menjadi panduan kepada agensi kerajaan persekutuan dan negeri, sektor perindustrian, masyarakat setempat dan pelbagai pihak berkepentingan lain untuk bersama-sama memastikan alam sekitar bersih, selamat, sihat dan produktif (KASA 2002).

Jabatan Alam Sekitar (JAS), merupakan penggerak utama dalam governan alam sekitar di Malaysia. Jabatan ini bertanggungjawab memastikan pembangunan lestari dalam proses kemajuan negara dan alam sekitar yang sentiasa bersih, sihat dan selamat untuk kesejahteraan rakyat. JAS juga berperanan sebagai penyebarkan maklumat, menyumbang kemahiran dan idea untuk pembangunan minda masyarakat ke arah penghayatan berterusan terhadap alam sekitar. Ini termasuklah menggalakkan konsep pematuhan sendiri oleh industri dan orang ramai.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Menurut Chua (2006), kajian kualitatif membantu pengkaji untuk memahami persekitaran dan menjelaskan fenomena sosial yang sedang berlaku ataupun sudah berlaku. Kajian kualitatif merupakan kajian saintifik yang berkesan untuk mendapatkan maklumat mengenai nilai sosial, pendapat, tingkahlaku dan konteks sosial daripada populasi tertentu (Mack et al. 2005). Pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif untuk

mengkaji secara mendalam mengenai pengaruh prinsip-prinsip governans yang baik terhadap governans alam sekitar di Malaysia. Kaedah tersebut dipilih kerana governans alam sekitar lebih sesuai dikaji berdasarkan temu bual secara mendalam dan holistik terhadap pegawai yang mempunyai pengalaman dan terlibat secara langsung dalam governans alam sekitar di Malaysia serta kajian daripada dokumen-dokumen perundangan yang berkaitan iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peratusan, kaedah dan perintah-perintah di bawahnya. Jenis persampelan bukan kebarangkalian yang digunakan ialah persampelan bertujuan (purposive sampling) iaitu memerlukan informan yang mempunyai ciri-ciri tertentu agar dapat dipilih untuk ditemubual. Data yang banyak terhasil daripada pendekatan kajian kes sangat penting dalam kajian mengenai governans alam sekitar dalam mendorong penghasilan hasil yang tepat dan komprehensif.

3.1 *Temubual*

Temubual yang dijalankan adalah bersama seorang pegawai dari JAS yang berpengalaman hampir 30 tahun di pelbagai jabatan di dalam JAS dan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan tadbir urus alam sekitar di Malaysia.

3.2 *Akta*

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan pindaannya, Pindaan 2007 dan Pindaan 2012 adalah akta yang berkaitan dengan membuang, mencegah, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekitar, serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta 127 ini terbahagi kepada lapan bahagian dan mengandungi sebanyak 75 seksyen yang meliputi perkara-perkara seperti Pentadbiran, Lesen, Larangan dan Kawalan Pencemaran, Kawalan Sisa Terjadual, Lembaga Rayuan dan Rayuan, Bayaran Ses dan Kumpulan Wang Alam Sekitar dan Pelbagai.

3.3 *Peraturan*

Perundangan juga dikuatkuasakan melalui peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Kaedah-kaedah yang terlibat dalam governan alam sekitar di Malaysia ialah:

1. Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1978;
2. Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pindaan) 1999;
3. Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000.

Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1978 dan pindaannya pada tahun 1999 menerangkan jumlah, kaedah pembayaran dan juga borang yang diperlukan untuk mengkompaun pesalah oleh pegawai yang telah diberi kuasa untuk mengkompaun. Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000 menerangkan sebarang kesalahan pembakaran terbuka di bawah seksyen 29A atau 29B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

3.4 *Peraturan*

Melalui Seksyen 51 (Peraturan) AKAS 1971, menteri selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekitar boleh menetapkan sebarang peraturan sebagai tambahan kepada AKAS 1971. Peraturan-peraturan yang berkaitan dalam governans alam sekitar di Malaysia adalah seperti berikut:

1. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Peraturan Kumbuhan) 2009.
2. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan pindaannya 2007.
3. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987.
4. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.
5. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2007.
6. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor) 1985.
7. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelepasan daripada Enjin Diesel) 1996 dan pindaannya 2000.
8. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelepasan daripada Enjin Petrol) 1996.
9. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelepasan daripada Motosikal) 2003.
10. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pencemaran daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009.
11. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Lembaga Rayuan) 2003.
12. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelesenan) 1977.
13. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Halon) 1999.
14. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999.
15. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978.
16. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 dan pindaannya 2006.
17. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 dan pindaannya 1982.
18. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan pindaannya 2000.
19. Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

3.4 *Perintah*

Perintah-perintah yang berkaitan dalam governans alam sekitar di Malaysia adalah seperti berikut:

1. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Diisytiharkan Pembakaran Terbuka) 2003.
2. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.
3. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan Penggunaan Klorofluorokarbon dan Lain-Lain Gas Sebagai Propelan dan Ejen Pengembang) 1993.
4. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pembawa yang Ditetapkan) Buangan Terjadual) 2005.
5. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 dan pindaannya 2006.
6. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa) (Dibatalkan) 1999.
7. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) 2005.
8. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) (Kawalan Pencemaran Marin) 1993 dan 1994.
9. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Halon) 2000.
10. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000.
11. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perbadanan Putrajaya) 2002.

12. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 dan pindaannya 1978.
13. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977.

4.0 Hasil Kajian dan Perbincangan

Prinsip akauntabiliti merupakan elemen asas dalam mewujudkan governans yang berkesan, bagi memastikan kerajaan, swasta dan masyarakat awam bertanggungjawab keatas keputusan dan tindakan mereka. Prinsip akauntabiliti menyentuh pelbagai dimensi merangkumi dimensi politik, kewangan, operasi dan tempatan. Kajian ini menilai pengaruh prinsip akauntabiliti dalam sektor kerajaan, swasta, dan masyarakat sivil melalui konteks governans alam sekitar di Malaysia.

4.1 Prinsip Akauntabiliti dalam Governans Alam sekitar

Akauntabiliti merupakan faktor utama dalam menentukan pemerintahan yang baik dimana institusi awam, swasta, masyarakat perlu bertanggungjawab terhadap keputusan atau tindakan yang dilakukan (UNITAR & UN environment 2017). Mekanisma ini sangat penting dalam memastikan bahawa institusi adalah responsif terhadap kepentingan awam. Akauntabiliti boleh terjadi dalam pelbagai bentuk seperti akauntabiliti politik melalui sistem pilihan raya, akauntabiliti kewangan melalui ketelusan dalam penganggaran (*budgeting*) dan perbelanjaan, akauntabiliti operasi melalui panel pemeriksaan, dan akauntabiliti tempatan melalui pendengaran dan penyertaan awam (*public hearing and participation*) (Badenoch N 2002: UNITAR & UN environment 2017).

Dalam kajian ini, akauntabiliti yang dibincangkan adalah berkaitan dengan pihak kerajaan, pihak swasta dan pihak masyarakat. Kajian yang dilakukan adalah bertumpu kepada bidang tugas Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam menjalankan governans alam sekitar di negara ini.

4.2 Peranan kerajaan- Jabatan Alam Sekitar

Secara asasnya JAS bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan akta ini tertumpu kepada pencemaran yang dilakukakan oleh pihak industri. Mohd Rafi dan Mohd Fadil (2013) menyatakan antara peranan kerajaan yang terpenting dalam menangani masalah alam sekitar ialah penubuhan Jabatan Alam Sekitar and Akta Kualiti Alam Sekitar pada awal tahun 1970an.

“Kita dalam penguatkuasaan dulu kita dapati kilang-kilangnya tidak sehebat kilang yang sekarang. Jadi kita bergerak dengan masa dan kita sentiasa berusaha untuk meningkatkan lah our penguatkuasaan ya.” [Para 105 , Dokumen Temubual].

“Maksudnya ada masih lagi ada lagi, bukan masih ada la, benda tu masih elok lagi. kualiti itu masih dikekalkan menunjukkan bahawasanya we are progressing againts the development of the country tu, to ensure that the quality of environment is still there for the people ya.” [Para , Dokumen Temubual].

“Sama juga dengan industri kalau kita tak ada fokus untuk ada industrial zon, dan kemudiannya because of peredaran negara kita, kepada industrial, maka kita adakan industrial zone dan di situ timbulnya kita perlu meletakkan station pengawasan kualiti udara kita disitu, memastikan

bahawasanya whatever emission coming out of the industry does not effect the surrounding population.” [Para 102 , Dokumen Temubual].

Dapatan ini juga selaras dalam perkara yang terkandung dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang menyatakan pihak kerajaan bertanggungjawab memberi arahan dan membuat apa-apa tindakan yang sewajarnya ke atas pihak-pihak berkepentingan lain yang tidak mengikuti peraturan dan undang-undang yang dikeluarkan bagi menjaga alam sekitar.

“Jika beberapa orang dilesen di bawah Akta ini untuk mengeluarkan, melepas atau meletakkan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan-buangan ke dalam segmen atau unsur alam sekeliling yang sama dan Ketua Pengarah berpendapat bahawa tiap-tiap seorang daripada orang-orang itu adalah mematuhi syarat-syarat itu hingga menyentuh kesihatan, kebajikan atau lesennya tetapi walaupun demikian kesan kolektif bagi kesemua buangan itu mungkin menyebabkan bertambah buruknya keadaan dalam segmen atau unsur alam sekeliling keselamatan manusia atau hingga mengancam kehidupan mana-mana binatang, burung, hidupan-hidupan liar, ikan atau lain-lain hidupan- hidupan dalam air, Ketua Pengarah boleh, dengan notis yang disampaikan kepada tiap-tiap seorang pemegang lesen itu, menghendaki tiap-tiap seorang daripada mereka memberhentikan pengeluaran, pelepasan atau peletakan itu mengikut cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu” [Para 33(1) , Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974].

4.3 Penyediaan Latihan Yang Besesuaian

Penguatkuasaan juga melibatkan memberi kursus-kursus terhadap pihak-pihak berkaitan seperti kilang-kilang dan juga meluaskan skop penguatkuasaan mengikut arus pemodenan. Menurut Clement dan Gido (2006) bahawa proses perancangan melibatkan elemen-elemen kerja dan aktiviti-aktiviti keseluruhan projek. Sebagai contoh menyatakan bahawa industri pembinaan menjadikan satu bidang yang paling ramai yang menceburi iaitu lebih 111 juta majikan di peringkat global (Du Plessis 2001). Penglibatan yang teramai ini, memerlukan kesedaran terhadap alam sekitar. Menurut Griffith, et al. (2000) kesedaran terhadap pencemaran dalam projek pembinaan merupakan pengawalan terhadap aktiviti manusia dimana ianya memberikan impak negatif terhadap alam sekitar meliputi jangka masa proses keseluruhan projek pembinaan.

Syarikat perlu mengetahui masalah yang wujud dalam organisasi mereka kerana kesedaran tentang masalah tersebut harus diikuti dengan usaha pembaikan. Sesetengah organisasi merasakan bahawa sistem pengurusan alam sekitar yang sedia ada dan pencapaian alam sekitar dari segi pematuhan sudah memuaskan (Mohammad Affendy & Nazirah 2014). Menurut Choi (2009) bahawa kekurangan dalam pengetahuan pemuliharaan alam sekitar menyebabkan pengamal industri pembinaan tidak akan dapat menjalankan penilaian dan mempraktikkan dengan tepat dan efektif. Kajian oleh Robichaud dan Anantatmula, 2011; Choi (2009) turut menyokong bahawa klien dan professional di bidang industri perlu berpengetahuan dalam kelestarian dan isu-isu berkaitan bagi pelaksanaan kesedaran alam sekitar

“Kita tidak semata-mata menjalankan penguatkuasa kita juga memanggil mereka untuk kita bagi kursus, untuk mereka faham dan diorang implement dalam ni.” [Para 137, Dokumen Temubual].

“So bermakna , bukan makna undang-undang itu kita bagi tanpa, kita kata macam mana nak mematuhi, kita siap ajar lagi. offer lagi dia training, therefore they understand. how to execute apa yang kita impose dalam undang2.” [Para 139 , Dokumen Temubual].

“bahawasanya fokus utama jabatan ataupun akta pada di awal tahun adalah agriculture iaitu kita memberi lesen kepada kilang getah dan kilang kelapa sawit. that is among the first yang kita ada. kemudiannya, dia progress kepada efluen, progress kepada udara kawalan pencemaran udara then progress kepada EIA kepada progress kepada pengurusan bahan buangan terjadual.” [Para 104, Dokumen Temubual].

“Mula2 dulu kita adalah sektor pertanian kan negara kita. zaman tuanku abdul razak, then kemudiannya masuk ke era permodenan, nampak fokus negara adalah kepada industri, di situ perkembangan kita..” [Para 104 , Dokumen Temubual].

Dapatan ini selaras seperti perkara yang terkandung dalam Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Penyediaan latihan adalah penting bagi memastikan semua tenaga kerja yang terlibat dalam mengendalikan proses atau operasi tertentu adalah berpengetahuan.

“Tiap-tiap pengeluar buangan hendaklah memastikan semua pekerjanya yang terlibat dalam pengenaltastian, pengendalian, pelabelan, pengangkutan, penstoran dan tindak balas semasa tumpahan atau pelepasan buangan terjadual menghadiri program latihan”. [Para 15 , Dokumen Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005]

“hendaklah memastikan bahawa kakitangannya menghadiri latihan mengenai keperluan alam sekitar dan amalan pengurusan terbaik dalam pengendalian dan penyenggaraan sistem pengolahan efluen perindustrian sebelum mereka memulakan kerja;”. [Para 28(a) , Dokumen Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009]

4.4 Kerjasama Daripada Jabatan Lain

Di samping itu, tugas governans alam sekitar tidak terletak pada JAS sahaja, malah perlu kerjasama dan tanggungjawab yang diambil oleh kementerian dan badan-badan kerajaan yang lain. Dapatan ini selaras dengan Hogenboom et al. (2000) menyatakan bahawa kerajaan seharusnya memainkan peranan reaktif dalam menangani kemerosotan alam sekitar. Menurut Mol (1996), pihak kerajaan yang memerintah sesebuah negara perlu memodenkan penglibatan institusi dan struktur alam sekitar dalam dua cara. Cara pertama, mengalihkan beberapa tanggungjawab institusi dan menyerahkan kepada pasaran untuk pembaharuan berkaitan alam sekitar. Cara kedua di mana kerajaan perlu bergerak ke arah mewujudkan kebergantungan ekonomi global, keperluan untuk fleksibiliti dalam perancangan alam sekitar dan perubahan dasar alam sekitar sesebuah negeri dari bersifat untuk menyembuh dan reaktif kepada pencegahan.

“Dari segi polisi jabatan, yes. masa ke semasa katakan lah sekarang isu bnyak berlakau mengenai kemasukan waste daripada daripada negara luar untuk diproses dalam negara kita. jadi ini juga perlu dilihat secara strategik adakah ia memberi keuntungan kepada negara dan disinilah perbincangan kita bersama dengan kastam, dengan MIDA MITI untuk memastikan apakah keuntungan adalah lebih tinggi daripada keburukan yang kita terima.” [Para 118, Dokumen Temubual].

“Apa lagi yang boleh kita lihat dari segi itu, dan juga dasar dasar kita juga, dan kebanyakan jabatan-jabatan juga mengambil kira dasar alam sekitar di dalam pelaksanaan kerja-kerja mereka itu, merupakan satu progress juga, walaupun kita harapkan lebih lagi.” [Para 102, Dokumen Temubual.

“so i rasa dari segi governance nya kita tidak berbeza pun, konsepnya sama, kita ada enforcement, kita ada dari segi development dan juga ni. tetapi apabila kita bercakap tentang adakah jabatan lain juga seharusnya melihat apa ni, isu alam sekitar itu sendiri, ia betul.” [Para 114, Dokumen Temubual].

“governans kita ok, jelas tetapi semua jabatan perlu memastikan bahawa semua elemen alam sekitar ataupun the gist of pengawasan alam sekitar itu perlu digarapkan bersama.” [Para 114, Dokumen Temubual].

Dapatan ini selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel 2007) yang menetapkan tanggungjawab kepada yang telah diberi kuasa untuk melaksanakan tugas-tugas pemeriksaan dan penyiasatan, juga bekerjasama dengan orang-orang lain dan badan-badan lain yang berkaitan dengan masalah alam sekitar. Di samping itu, premis-premis dan kenderaan dan pemunya atau penghuni kenderaan tersebut haruslah memberi kerjasama dan bantuan kepada pegawai pemeriksa yang bertanggungjawab.

“menjalankan penyiasatan-penyiasatan dan pemeriksaan-pemeriksaan bagi memastikan pematuhan terhadap Akta ini atau terhadap peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan menyiasat pengaduan-pengaduan berhubung dengan pelanggaranpelanggaran terhadap Akta ini atau terhadap peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya “ [Para 3(k), Dokumen Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974].

“Bagi maksud penyiasatan, pemeriksaan dan pengambilan sampel di bawah Peraturan-Peraturan ini, mana-mana pembekal, pengedar, pembeli pengguna pukal, pemilik kedai atau penduduk, atau manamana pemilik atau penduduk sesuatu premis, kenderaan atau kapal hendaklah membenarkan akses dan menyediakan bantuan yang perlu kepada pegawai diberi kuasa untuk menjalankan siasatan, pemeriksaan dan pengambilan sampel, termasuk mengemukakan rekod dan dokumen yang berkaitan yang disimpan mengikut peraturan 7 dan 8.”[Para 5(2) , Dokumen Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel) 2007].

4.5 Kesedaran Masyarakat Dalam Menjaga Alam Sekitar

Kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar juga amat penting dalam pelaksanaan governans alam sekitar. Menurut Haliza (2009), bahawa penyertaan dan penglibatan masyarakat dalam isu persekitaran sangat penting kerana ia menjadi asas kepada kejayaan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di sesuatu negara. Ini kerana kesedaran masyarakat akan timbul daripada pengetahuan yang diperolehi melalui pengalaman individu itu sendiri (Norjan et.al 2005). Pengetahuan mengenai alam sekitar penting dan merupakan asas bagi mewujudkan komuniti yang mempunyai kesedaran terhadap alam sekitar, dengan itu akan dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang lebih beretika (Jamaludin 2001).

Kajian oleh Carr (2004) berpendapat pengetahuan mengenai alam sekitar merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat dimana matlamat untuk menjana komuniti agar tahu mengenai alam sekitar, mempunyai pengetahuan, kemahiran serta komitmen dalam membuat keputusan samada secara langsung atau tidak langsung dengan impak terhadap kualiti alam sekitar.

“Memang masyarakat tu memang saya pun dapat lihat memainkan peranan yang penting kalau kita ambil negara maju kan, deorang punya kesedaran tu bermula juga bila rakyat tu sendiri mula menyedari kepentingan menjaga alam sekitar.” [Para 111, Dokumen Temubual].

Dapatan ini selaras dengan perkara yang dinyatakan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dimana pihak masyarakat juga bertanggungjawab dengan segala usaha dan tindakan yang perlu untuk memastikan alam sekitar terpelihara dengan mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan seperti mengambil langkah berjaga-jaga dan menyediakan laporan dan persediaan yang ditetapkan sebelum melakukan sebarang aktiviti.

“Seksyen 29B. Pemunya atau penduduk premis bertanggungjawab bagi pembakaran terbuka.” [Para 29B , Dokumen Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974].

“mengambil apa-apa langkah untuk mengurangkan, meringankan, menyuraukan, menghilangkan, membasmi, membinasa atau melupuskan pencemaran,” [Para 31(1)(g), Dokumen Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974].

5.0 Kesimpulan

Akauntabiliti adalah amat penting dalam governans alam sekitar. Semua pihak haruslah bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan yang diambil oleh mereka. Jabatan Alam Sekitar (JAS) bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, terutama dalam memberi tumpuan kepada pencemaran industri. JAS telah menjalankan latihan dan meluaskan skop penguatkuasaannya selari dengan arus pemodenan. Kerjasama dan tanggungjawab dititikberatkan bukan sahaja dalam JAS tetapi juga merentasi kementerian dan agensi kerajaan yang lain. Kesedaran awam juga memainkan peranan penting dalam governans alam sekitar di mana JAS telah menjalankan pelbagai aktiviti dan kempen untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat awam. Selain itu, penglibatan sektor swasta, khususnya syarikat yang terlibat dalam aktiviti alam sekitar, turut memainkan peranan penting dalam governans alam sekitar melalui pematuhan peraturan dan penyertaan dalam program latihan.

Pihak Kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan prinsip ini dilaksanakan oleh sektor swasta dan masyarakat semasa menggubal undang-undang dan dasar. Tambahan lagi, tidak semua isu pencemaran dikawal oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, perkara ini menimbulkan salah faham di kalangan beberapa pihak berhubung tanggungjawab masing-masing di dalam melaksanakan governans alam sekitar.

Kerajaan mempunyai peranan penting dalam memastikan akauntabiliti dalam governans alam sekitar dengan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan, menyediakan panduan, dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pelanggar di samping melindungi kepentingan semua pihak. Sektor swasta juga mesti mengambil tanggungjawab untuk mencegah dan mengurangkan pencemaran. JAS dalam usaha menguatkuasakan AKAS 1974 dan melaksanakan governans alam sekitar juga memerlukan kerjasama bersama agensi kerajaan yang lain.

JAS sentiasa berusaha meningkatkan kecekapannya dalam penguatkuasaan AKAS 1974 dengan mewujudkan latihan kepada pihak berkaitan dan memodenkan skop penguatkuasaan.

Pihak swasta mempunyai tanggungjawab yang besar di dalam governans alam sekitar negara seperti mendapatkan kelulusan terhadap aktiviti perindustrian yang dilakukan oleh mereka, mengikut garis panduan yang telah ditetapkan, menghadiri latihan dan melaksanakan mekanisme pematuhan sendiri yang diselia oleh JAS. Tambahan lagi, pengarah, pengurus dan pegawai di dalam syarikat atau kilang tersebut adalah bertanggungjawab terhadap sebarang pencemaran yang dilakukan kepada alam sekitar melalui proses perindustrian mereka.

Pihak Masyarakat pula bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang alam sekitar dengan mengambil langkah berjaga-jaga terhadap pencemaran yang berlaku dan mengikuti amalan terbaik dalam penjagaan alam sekitar. JAS juga menjalankan kempen untuk meningkatkan kesedaran di kalangan NGO, sekolah, dan universiti mengenai kepentingan perlindungan alam sekitar.

Secara keseluruhannya, penekanan kepada kepentingan dalam ketelusan dan akauntabiliti dalam governans alam sekitar dalam memastikan bahawa keputusan dan tindakan adalah telus dan terbuka dalam menguatkuasakan undang-undang. Perkari ini selari dengan Teori Pemodenan Ekologi menekankan kepentingan ketelusan dalam polisi dan peraturan alam sekitar, serta memastikan pencemar bertanggungjawab ke atas kesalahan mereka.

Rujukan

Abdul Samad Hadi (2005). *Pembangunan lestari: membina kehidupan di Bandar*. Siri Syarahan Pemikiran Bangi: Alam Sekitar dan Pembangunan. Bangi: LESTARI, UKM.

Afrizal, T. and Embong, A.R. (2013). Komuniti Dan Pengurusan Persekitaran: Beberapa Pengalaman Malaysia, Bangladesh, Zambia Dan Vietnam. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 31(2).

Ahmad, A.R. & Musa, K. (2016). *Inisiatif Pembangunan Kampus Lestari Di institut Pengajian Tinggi Malaysia : Tahap Kefahaman Kelestarian*. Kelestarian Alam Sekitar, Ekonomi dan social di Malaysia:1-12. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.ISBN 978-967-0924-44-1.

Ali, M. (2013). Issues of Sustainability Assessment. *Sustainability Assessment*, 59–71. doi:10.1016/b978-0-12-407196-4.00005-2

Baker, S. (1997). *The Politics of Sustainable Development*. London: Routledge.

Broda-Bahm, K.T. (1999). Finding protection in definitions: The quest for environmental security. *Argumentation and Advocacy*, 35(4), pp.159-170.

Carr, David (2004). Moral Values and the Arts in Environmental Education : Towards an Ethics of Aesthetic Appreciation. *Journal of Philosophy of Education*. 38(2) : 221 – 239.

Choi, C (2009). Removing Market Barriers to Green Development: Principles and Action Projects to Promote Widespread Adoption of Green Development Practices. *JOSRE*, 1(1), 107- 138.

Clements, & Gido (2006). *Effective Project Management*, Canada: Thompson South-Western.

Dabelko, G.D. and Dabelko, D.D., 1995. Environmental security: Issues of conflict and redefinition. *Environmental change and security project report*, 1(1), pp.3-13.

Du Plessis, C. 2001. Agenda 21 for Sustainable Construction in Developing Countries. A Discussion Document. Report for the CIB and UNEP-IETC, CSIR Building Construction and Technology, Pretoria.

Floyd, R., 2008. The environmental security debate and its significance for climate change. *The International Spectator*, 43(3), pp.51-65.

Griffith, A., Stephenson, P., and Watson, P. 2000. Management System for Construction. Pearson Education Inc., New York, and Englemere Ltd., England. Mihaela Comanescu (2010) Increasing Responsibility towards Environment Theoretical and Applied Economics Volume XVII (2010), No. 5(546), pp. 59-72

Haliza Abdul Rahman. 2009. Penglibatan masyarakat awam di Malaysia dalam isu berkaitan persekitaran. *Jurnal Sarjana* (24), pp 49-65

Haque, M., 2017. Environmental Governans. Dlm. A. Farazmand (ed.), *Global Encyclopedia of Public Administration, Public Policy, and Governance*, DOI 10.1007/978-3-319-31816-5_1766-1

Hogenboom, J., A. P. J. Mol, et al. 2000. Dealing with Environmental Risks in Reflexive Modernity. In: M. J. Cohen (Ed.), *Risk in the Modern Age*. London: Macmillan Press Ltd., pp. 83-106

Jamaluddin. M. Jahi. 2008. Human habitat and environmental change: from cave dwellings to megacities. International conference on Human Habitat and Environment, organized by institute of the Malay World and Civilization (ATMA), UKM and Environmental management Society (EMS) Malaysia. Bangi 3-4 Disember.

Jamaludin Md. Jahi. 2001. Pengurusan alam sekitar di Malaysia: dari Stockholm ke Rio de Janeiro dan seterusnya. Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia, 16 Februari, Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kooiman, J., 2003. *Governing as Governance*. London: Sage

Mazlan, Sytty Mazian, 2018. Governans Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Dalam Aspek Kualiti Udara Dalam. Thesis: Doctor of Philosophy, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, UKM.

McDonough, W., Braungart, M. & Dale, D. 2002. A building like a tree, a campus like a forest. New England: EBSCO Publishing

Mohammad, N., 2011. Urban environmental pollution in Malaysia: a case study. *British Journal of Humanistic and Social Sciences*, 3(1), pp.46-57.

Mohd Anuar, H., 2014. Environmental governance in Malaysia: An overview.

Mohammad Affendy Omardin & Nazirah Zainul Abidin. 2014. Konsep Dan Amalan Kesedaran Terhadap Isu-Isu Alam Sekitar Di Peringkat Awalan Projek Pembinaan Melalui Fasa Pengurusan Nilai. Social Sciences Postgraduate International Seminar.Universiti Sains Malaysia. ISBN 978-967-11473-1-3

Mol, A. P. J. 1996. Ecological Modernisation and Institutional Reflexivity: Ecological Reform in the Late Modern Age. *Environmental Politics*. 5(2): 302-323.

Norjan, Y., Nur Ibtisam, I., Rohana, S. & Rohayati, M. 2005. Tinjauan pengetahuan dan kesedaran alam sekitar di kalangan pelajar Orang Asli. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran 2005.

Rahman, H.A. 2016. Interaksi masyarakat dan alam sekitar dalam governans kelestarian. Governans Kelestarian Kesejahteraan Alam Sekitar dan Kesihatan Masysrakat di Malaysia: 1-12. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris. ISBN 978-967-0924-45-8.

Razman, M.R. & Mokhtar M. 2016. Governans kelestarian melalui undang-undang persendirian dalam konteks aspek kecuaiian undang-undang tort ke arah kesejahteraan habitat manusia di Malaysia, Governans Kelestarian Kesejahteraan Alam Sekitar dan Kesihatan Masysrakat di Malaysia: 137-150. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.ISBN 978-967-0924-45-8.

Robichaud, L. B., & Anantatmula, V. S. 2011. Greening Project Management Practices for Sustainable Construction. *Journal of Management in Engineering*, 27(1), 48-57.

Sands, P. 2003. Principle of environmental law. Cambridge: Cambridge University Press.

Sani, S., 2000. Anjakan paradigma dalam pengurusan alam sekitar di Malaysia: peranan universiti. *Akademika*, 57(1).

Shriberg, Micheal. 2002. Sustainability in US higher education: Organizational factors influencing campus environment performance and leadership. Thesis: Doctor of Philosophy Natural Resources of Environment. Michigan : University of Michigan.

Starke, L. 1990. Sign of Hope: Working towards our common future. Oxford: Oxford University Press.

Tengku-Hamzah, T. and Adeline, A., 2011. *Making sense of environmental governance: a study of e-waste in Malaysia* (Doctoral dissertation, Durham University).

United Nations Institute for Training and Research (UNITAR), United Nations Environmental Programme (UN Environment),2017. Introduction of Environmental Governance.

Van Harmelen, M., Van Leeuwen, M.S. and de Vette, T., 2005. International law of sustainable development: Legal aspects of environmental security on the Indonesian island of Kalimantan.

Yaacob, M.R., Yusof, M.F.M. and dan Perniagaan, F.K., 2013. Perindustrian dan Kelestarian Kualiti Alam Sekitar di Malaysia: Asas dan Pendekatan Teori Pemodenan Ekologikal. *Prosiding PERKIM VIII*, 2, pp.991-1003.